



UNIVERSITI
MALAYA

**GARIS PANDUAN
PROGRAM CITRA AKADEMIK UNTUK
KOMUNITI DAN ALAM
(CAKnA)**

Edisi pertama 2025

oleh Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares), Universiti Malaya

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang dan penerbit, kecuali dalam hal petikan ringkas terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta. Untuk permintaan kebenaran, tulis kepada:

Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)
Aras 6, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (KPPI),
Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
umcares@um.edu.my

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
BAHAGIAN 2: PROGRAM CITRA AKADEMIK UNTUK KOMUNITI DAN ALAM (CAKNA)	2
2.1 Pengenalan	2
2.2 Objektif Program	2
2.3 Skop Program	3
2.4 Kriteria Program	4
2.5 Jangkaan Hasil (per projek)	5
2.6 Permohonan dan Penilaian	9
2.7 Pemantauan dan Pelaporan	9
BAHAGIAN 3: LAIN- LAIN	10
3.1 Pelanjutan Tempoh Program	10

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Malaysia mempunyai harapan yang tinggi terhadap pelajar universiti untuk menjadi ejen perubahan sosial melalui aktiviti komuniti. Universiti menjadi acuan dalam pembangunan modal insan yang holistik, di mana pelajar universiti diharap menjadi individu yang bukan sahaja cemerlang secara akademik tetapi juga mempunyai empati, keprihatinan, dan keupayaan menyumbang kepada masyarakat. Program komuniti dijangka melahirkan pemimpin muda yang berdaya tahan, cekap menyelesaikan masalah, dan mampu memberi inspirasi kepada masyarakat.

Menerusi penglibatan aktif di dalam inisiatif libatsama komuniti, pelajar berperanan sebagai jambatan antara universiti dan masyarakat, membawa manfaat dari institusi pendidikan kepada kehidupan harian komuniti. Aktiviti komuniti berupaya untuk memupuk rasa tanggungjawab bersama dan perpaduan dalam kalangan generasi muda, yang penting untuk keharmonian negara.

Merujuk kepada Polisi Jalinan Masyarakat UM, libatsama komuniti merujuk kepada “*penglibatan aktif dan bermakna di dalam dan luar universiti merentasi peringkat nasional dan antarabangsa dengan tujuan untuk bertukar-tukar pengetahuan dan membolehkan pembelajaran untuk manfaat masyarakat*”.

Penubuhan pusat sehenti komuniti untuk universiti, iaitu Pusat Jalinan Masyarakat UM atau singkatannya UMCares (UM Community Engagement Centre) sejak 2008 menandakan komitmen universiti terhadap inisiatif libatsama komuniti untuk kemampanan. UMCares sentiasa didorong oleh nilai terasnya untuk meningkatkan keupayaan UM agar dapat menyumbang kepada masyarakat melalui penglibatan dan tindakan yang inklusif untuk komuniti khususnya dalam Negara.

BAHAGIAN 2: PROGRAM CITRA AKADEMIK UNTUK KOMUNITI DAN ALAM (CAKnA)

2.1 Pengenalan

Program Citra Akademik untuk Komuniti dan Alam (CAKnA) merupakan inisiatif khas Universiti Malaya (UM) yang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dinamik antara warga komuniti UM yang berfokus di Pusat Tanggungjawab (PTj) akademik melibatkan staf akademik, staf bukan akademik (pentadbiran), dan pelajar. Program ini dibangunkan untuk menangani isu atau cabaran yang relevan sama ada di dalam kampus atau masyarakat setempat melalui pendekatan kolaboratif, inovatif, dan berimpak tinggi.

Keunikan program ini terletak pada pendekatannya yang holistik, di mana warga PTj akademik bersama-sama mengenal pasti masalah, merancang strategi penyelesaian, melaksanakan inisiatif yang relevan dan melaporkan prestasi pelaksanaan di peringkat universiti. Pendekatan ini bukan sahaja memperkuuhkan semangat berpasukan tetapi juga mendorong pertukaran idea antara disiplin, memperkasakan warga kampus sekali gus menghasilkan penyelesaian yang lebih kreatif dan efektif.

Program CAKnA memberi manfaat seperti berikut;

- 1. Meningkatkan kesedaran sosial:** Program ini membolehkan warga PTj memahami isu-isu sebenar yang dihadapi oleh komuniti dan memainkan peranan aktif dalam menyelesaiannya.
- 2. Mengukuhkan hubungan PTj:** Warga PTj dapat membina hubungan yang lebih erat, menyumbang kepada persekitaran kerja yang harmoni dan produktif menerusi kerjasama yang terjalin.
- 3. Memperkasa warga PTj dengan kepimpinan dan inovasi:** Program ini memberi peluang kepada warga PTj untuk mengasah kemahiran kepimpinan dan berfikir secara inovatif dalam menangani cabaran yang kompleks.
- 4. Memberi impak kepada masyarakat:** Hasil daripada projek ini akan memberikan manfaat nyata kepada masyarakat, sejajar dengan matlamat UM untuk memberi sumbangan kepada pembangunan komuniti.

Program CAKnA bukan sahaja membawa transformasi kepada PTj, tetapi juga mengukuhkan reputasi UM sebagai universiti yang prihatin dan berdaya inovasi.

2.2 Objektif Program

Objektif Program CAKnA adalah seperti berikut:

- Meningkatkan 80% pelaporan program/projek komuniti UM;
- Meningkatkan 80% penglibatan PTj dalam menangani masalah komuniti;
- Mengintegrasikan pembelajaran secara langsung (experiential learning) dengan pengalaman kehidupan sebenar untuk memperkuuh pembelajaran pelajar;
- Menyediakan platform bagi pelajar, staf akademik dan bukan akademik untuk menyumbang ilmu, kepakaran dan pengalaman mereka dalam memberi impak positif kepada komuniti; dan

- v. Menggalakkan kerjasama antara universiti dan komuniti bagi memperkasa pembangunan sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

2.3 Skop Program

Program ini merangkumi bidang seperti yang disenaraikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025, Bidang Tumpuan Komuniti UM dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti berikut;

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)

10 Lonjakan PPPM (PT)

- o Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
- o Kecemerlangan Bakat
- o Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
- o Graduan TVET Berkualiti
- o Kemampuan Kewangan
- o Pemantapan Tadbir urus
- o Ekosistem Inovasi
- o Keunggulan Global
- o Pembelajaran dalam Talian Tahap Global
- o Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Bidang Tumpuan Komuniti UM

- o Kesihatan & Kesejahteraan
- o Pendidikan Berkualiti
- o Kewangan & Ekonomi
- o Kelestarian Alam Sekitar

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

- o SDG 1 : No Poverty (Tiada Kemiskinan)
- o SDG 2 : Zero Hunger (Kelaparan Sifar)
- o SDG 3 : Good Health and Well-Being (Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik)
- o SDG 4 : Quality Education (Pendidikan Berkualiti)
- o SDG 5 : Gender Equality (Kesamarataan Gender)
- o SDG 6 : Clean Water and Sanitation (Kebersihan Air dan Sanitasi)
- o SDG 7 : Affordable and Clean Energy (Tenaga yang Berpatutan dan Bersih)
- o SDG 8 : Decent Work and Economic Growth (Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi)
- o SDG 9 : Industry, Innovation and Infrastructure (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)

- SDG 10 : Reduced Inequalities (Mengurangkan Ketidaksamarataan)
- SDG 11 : Sustainable Cities and Communities (Bandar dan Komuniti Mampan)
- SDG 12 : Responsible Consumption and Production) (Penggunaan dan Penghasilan yang bertanggungjawab)
- SDG 13 : Climate Change (Tindakan Iklim)
- SDG 14 : Life Below Water (Kehidupan di dalam Air)
- SDG 15 : Life On Land (Kehidupan di atas Darat)
- SDG 16 : Peace, Justice and Strong Institutions (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh)
- SDG 17 : Partnerships for the Goals (Rakan Kerjasama untuk Matlamat)

2.4 Kriteria Program

2.4.1 **PENYERTAAN:** Program CAKnA terbuka kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) akademik di UM. Setiap PTj perlu melaksanakan projek komuniti berdasarkan kriteria yang ditetapkan mengikut bidang PTj (sains atau bukan sains).

Setiap projek akan diterajui oleh staf akademik yang akan bertanggungjawab sebagai Ketua Projek (PI) seperti berikut;

- Membuat perancangan dan permohonan projek melalui PTj masing-masing ;
- Melaksanakan projek sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- Menyelaras ahli pasukan projek dengan penglibatan warga PTj;
- Mengurus dan memantau peruntukan yang diterima mengikut tatacara kewangan UM; dan
- Meluaskan kerjasama dengan penglibatan pihak luar;
- Menyelaras dan melaksanakan aktiviti seperti yang dirancang;
- Merekod hasil pelaksanaan aktiviti dan pencapaian; dan
- Menyediakan laporan kemajuan dan akhir projek dalam tempoh yang ditetapkan.

2.4.2 **KEPERLUAN:** Program yang ingin dilaksanakan mestilah menangani isu-isu sebenar dan relevan di lokasi atau masyarakat setempat, dan berkaitan dengan bidang kepakaran PTj berkenaan. Isu yang dipilih perlu jelas, signifikan, dan mempunyai potensi untuk menghasilkan impak positif.

2.4.3 **KERJASAMA:** Program perlu melibatkan penyertaan aktif dan kerjasama warga PTj merangkumi staf akademik, staf bukan akademik (pentadbiran), dan pelajar. Perspektif pelbagai disiplin dan latar belakang perlu dilibatkan

untuk mencetuskan idea yang lebih kreatif dan berkesan.

- 2.4.4 **UNIK:** Pendekatan yang berbeza atau belum pernah dilaksanakan di PTj sebelum ini perlu diterapkan. Contohnya, penggunaan teknologi terkini, metodologi pembelajaran baharu, atau aktiviti berbentuk seni dan budaya.
- 2.4.5 **IMPAK:** Program harus menunjukkan hasil yang boleh diukur sama ada dari segi impak sosial, ekonomi, atau ekologi. Hasil program perlu memberi manfaat kepada pihak yang terlibat dan menyumbang kepada pembangunan mampan.
- 2.4.6 **LAPORAN:** Program mesti didokumentasikan dengan baik melalui laporan, video, atau media lain untuk tujuan rujukan dan perkongsian. Kejayaan dan pengalaman program perlu disebarluaskan supaya ia boleh menjadi model bagi PTj lain.
- 2.4.7 **NILAI:** Pemindahan ilmu aktiviti dan hasil program mesti selaras dengan nilai-nilai etika, integriti, dan tanggungjawab sosial universiti.
- 2.4.8 **MAMPAN:** Program tidak hanya bersifat sementara tetapi mempunyai potensi untuk diperluas, diteruskan, atau menjadi inspirasi kepada inisiatif lain.
- 2.4.9 **JANGKAUAN:** Penglibatan Ahli Parlimen di kawasan yang program dilaksanakan adalah diwajibkan. Ini bagi memastikan sokongan bukan sahaja dari akar umbi (komuniti), tetapi mendapatkan perhatian Ahli Parlimen untuk membantu kelestarian program.

Selain itu, penglibatan rakan pihak berkepentingan (organisasi) luar amat digalakkan, antaranya Kerajaan dengan agensi Kerajaan, industri, badan bukan Kerajaan (NGO) dan media. Bukti kerjasama dan bukti komitmen sumbangan (kewangan dan bukan kewangan) perlu dikemukakan.

- 2.4.10 **SOKONGAN:** Kuantum maksimum (per projek) adalah mengikut bidang PTj (sains atau bukan sains). Kelulusan akhir tertakluk kepada Jawatankuasa Penilai. PTj digalakkan untuk mendapatkan sumbangan kewangan dan bukan kewangan (in-kind) bagi menampung program.
- 2.4.11 **TEMPOH:** Pelaksanaan program dalam tempoh tahun semasa.

2.5 Jangkaan Hasil (per projek)

- 2.5.1 **Penerima Manfaat:** Projek mestilah memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 100 orang penerima manfaat (beneficiaries).
- 2.5.2 **Impak:** Projek perlulah menunjukkan pencapaian sasaran impak (jangka pendek dan pertengahan) semasa pelaporan kemajuan dan akhir projek.
- 2.5.3 **Penarafan Bintang:** Projek mestilah sekurang-kurangnya dapat mencapai

penarafan tiga (3) bintang mengikut Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), iaitu menunjukkan keupayaan dan kesediaan untuk mengubah pengetahuan, tingkah laku, kemahiran dan aspirasi masyarakat. Bukti pencapaian mestilah dikemukakan semasa pelaporan akhir program.

LAMPIRAN A: Penarafan Bintang Jaringan Komuniti

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★★★ ★★	Penghakupayaan	Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran Kelestarian amalan inovasi Memperkasa amalan inovasi	Komuniti/peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan institusi yang dinilai
4 ★★★ ★	Perubahan Amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos	Komuniti/peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3 ★★★	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti	Komuniti/peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi *Bukti Pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain

2 ★ ★	Sokongan dan Penglibatan	Komuniti membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti Hubungan strategik komuniti/ organisasi	Institusi yang dinilai melaksanakan program bersama komuniti/peserta
1 ★	Jalinan Hubungan	Komuniti bertanggapan positif terhadap institusi yang dinilai dan program tindakan komuniti	Pengukuhan hubungan institusi yang dinilai - komuniti/peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain-lain

- 2.5.4 **Mampan:** Projek mestilah mengemukakan bukti potensi untuk diperluas, diteruskan atau diaplikasikan sebagai perancangan jangka panjang.
- 2.5.5 **Penerbitan Video:** Sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan video pendek (berdurasi 1-3 minit) bagi tujuan promosi dan publisiti perlu dihasilkan bagi setiap program. Sekurang- kurangnya lima (5) gambar projek berkualiti tinggi beserta penerangan ringkas juga mesti dikemukakan.

2.6 Permohonan dan Penilaian

- 2.6.1 Permohonan dibuka tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan sedia ada.
- 2.6.2 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan mengikut format yang disediakan oleh UMCares.
- 2.6.3 Satu (1) salinan cetak dan satu (1) salinan lembut (softcopy) bagi setiap permohonan daripada ketua PTj wajib dihantar ke UMCares.
- 2.6.4 Jumlah bantuan kewangan bagi setiap program adalah tertakluk kepada cadangan Jawatankuasa Penilai.
- 2.6.5 Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu bersedia untuk membentangkan cadangan program kepada Jawatankuasa Penilai (tertakluk kepada keperluan).

2.7 Pemantauan dan Pelaporan

- 2.7.1 Laporan kemajuan perlu dihantar ke UMCares setiap 6 bulan selepas bantuan kewangan disalurkan ke program (dalam bentuk geran projek komuniti).
- 2.7.2 Laporan Akhir perlu dihantar dalam tempoh 1 bulan selepas program tamat (dalam tahun semasa). Sekurang- kurangnya lima (5) gambar projek berkualiti tinggi beserta penerangan (caption) ringkas mesti dikemukakan dalam laporan.
- 2.7.3 Laporan perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (softcopy) (diemelkan kepada UMCares menerusi umcares@um.edu.my) pada tarikh yang akan ditetapkan oleh UMCares.
- 2.7.4 Pembentangan program di kalangan warga UM secara keseluruhannya perlu dibuat bagi menggalakkan perkongsian amalan baik yang telah dilaksanakan.

BAHAGIAN 3: LAIN- LAIN

3.1 Pelanjutan Tempoh Program

Permohonan pelanjutan tempoh program boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat aktiviti yang masih belum tercapai dalam tahun semasa.

Permohonan perlu dibuat secara rasmi kepada Pengarah UMCares dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tamat program dalam tahun semasa sahaja. Ketua projek perlu memaklumkan justifikasi pelanjutan dan mengemukakan perancangan aktiviti sepanjang tempoh pelanjutan yang dipohon.

Permohonan pelanjutan tempoh projek boleh dibuat sekali sahaja dan tertakluk kepada keputusan Pengarah UMCares. Tempoh maksimum pelanjutan adalah tiga (3) bulan sahaja.